

WAR 52 PEMBANGUNAN DALAM ISLAM: ANALISIS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SYARIAH

Dr. Fakhri Sungit¹,
Hammad Mohamad Dahalan²

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menilai kembali maksud dan definisi pembangunan melalui perspektif Islam dalam konteks era moden dan globalisasi. Terdapat banyak literatur dan kajian yang menilai dan mengukur tahap pembangunan berdasarkan kepada realiti semasa sesuatu masyarakat dimana ianya banyak bergantung kepada cabaran ekonomi dan sosial pada satu-satu masa. Pengukuran terhadap pembangunan ini memberi maklumat yang sangat penting kepada pihak kerajaan dan institusi-institusi tertentu untuk membangunkan ekonomi dan membasmi kemiskinan di sesebuah negara hasil daripada data dan petunjuk pembangunan tersebut. Hasil penelitian terhadap pengukuran pembangunan, terdapat organisasi antarabangsa seperti United Nation Development Programs (UNDP) yang telah membangunkan indeks pembangunan sebagai kayu ukur terhadap pembangunan sesebuah negara. Ianya telah melalui proses evolusi dari sudut dimensinya kerana perubahan masa dan cabaran ekonomi yang berbeza dan semakin mencabar. Kajian ini cuba untuk menilai kaedah pengukuran indeks pembangunan dengan melakukan analisis perbandingan antara perspektif konvensional dan Maqasid al-Syariah. Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan dan dokumentasi dalam mendapatkan kaedah-kaedah pengukuran indeks pembangunan dan dianalisis dengan kaedah diskriptif dan kajian perbandingan.

Kata Kunci: Pembangunan, Pembangunan Islam, Maqasid al-Syariah

PENGENALAN

Idea tentang pembangunan atau kemajuan adalah merupakan suatu yang sering didebatkan di peringkat wacana ilmu dan intelektual. Pembangunan secara umumnya melibatkan fenomena kemasyarakatan dan sistem sosial yang sentiasa wujud di pentas ketamadunan manusia. Ianya mengambil kira satu idea evolusi dimana kehidupan di dunia ini adalah pentas untuk manusia berlumba-lumba dan bersaing untuk meneruskan kehidupan dan survival mereka.³ Maka, manusia sentiasa mencari dan berikhtiar untuk mencipta suatu sistem ekonomi dan sosial yang dapat memberi harapan dalam kehidupan kepada manusia sejagat.

¹ Pensyarah Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

² Pensyarah Jabatan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

³ Teori Darwin dalam "evolution" menyentuh tentang corak kehidupan yang bersaing melalui "natural selection" dan seterusnya membawa kehidupan yang lebih kompleks melalui "the most fittest thing survives" adalah dipengaruhi oleh falsafah dan gaya fikir naturalist. Namun Islam bersikap syumul dalam mendepani cabaran kehidupan dengan meletakkan usaha dan tawakkal seseorang itu untuk menghadapi cabaran di dunia ini. Mereka yang rajin berusaha dan meletakkan pengharapan kepada Allah s.w.t. akan diberikan balasan yang setimpal sama ada di dunia dan Akhirat.

Namun, Islam memberi penjelasan dalam isu ini dengan menganjurkan prinsip bantu-membantu dan bekerjasama kerana manusia diciptakan untuk saling memerlukan di antara satu sama lain (al-Maidah: 2). Prinsip *ta'awun* (bantu atau menolong) memberi suatu kerangka yang bersifat kudus (suci) dalam membina sebuah masyarakat yang membangun dan maju. Kerana itu wujud institusi yang unik di dalam Islam sebagai menterjemahkan prinsip ini di dalam pengurusan ekonomi dan sosial seperti zakat, waqaf, hibah dan sedekah.

Institusi kewangan Islam ini secara prinsipnya adalah untuk memacu ekonomi yang seimbang disebabkan wujud ditengah-tengah masyarakat yang ketinggalan dari sudut sosio-ekonominya seperti kemiskinan⁴, serta pembangunan institusi lain yang menyeluruh seperti agama, pendidikan, kesihatan, dan lain-lain.

Oleh sebab itu, Islam menganjurkan umat Islam untuk melakukan kebajikan dengan membantu golongan yang miskin dan memerlukan seperti amalan bersedekah, hibah, wakaf dan lain-lain. Selain itu pemberian zakat pula adalah diwajibkan bagi mereka yang telah cukup syarat-syaratnya untuk diagihkan kepada golongan yang layak menerimanya. Sebagai tambahan, bagi mereka yang wajib membayar kafarah dan fidyah pula, ianya dikembalikan semula kepada orang-orang yang miskin.⁵ Dalam konteks ekonomi dan sosial, undang-undang syariat ini mempunyai hubungan yang signifikan kepada putaran ekonomi melalui aliran aset daripada golongan kaya kepada golongan miskin, yang seterusnya menyeimbangkan kekayaan ekonomi negara kepada semua golongan.

Walaupun kemiskinan ini adalah fenomena yang wujud dalam semua keadaan masyarakat dan negara, maka usaha pembasmian kemiskinan ini adalah merupakan agenda yang sangat penting bagi sesebuah negara untuk mencapai kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai sektor. Kemajuan sesebuah negara hanya dapat diukur dengan gaya hidup masyarakatnya yang stabil dari segi ekonomi dan sosial serta dapat memanfaatkan sumber alam dengan pengurusan yang cekap, supaya kekayaan negara dapat dikongsi bersama tanpa meninggalkan kepentingan golongan-golongan yang tertentu.

Dalam kertas ini, penulis ingin membuat analisis dan penilaian terhadap kaedah pengukuran indeks pembangunan yang digunakan oleh agensi tertentu dalam mentakrifkan tahap pembangunan melalui pelbagai ragam dimensi. Kepelbagaian dimensi ini adalah merupakan suatu indikator yang penting dalam menilai sesebuah pembangunan, di mana akhirnya menjadi petunjuk yang signifikan kepada penggubal dasar ekonomi atau pun agensi-agensi yang terbabit dalam menguruskan pembangunan ekonomi dan sosial. Bahagian selanjutnya, penulis ingin menjelaskan konsep pembangunan dalam Islam justeru ianya sangat berkait rapat dengan tajuk di dalam kertas ini.

⁴ Membantu orang yang miskin adalah suatu yang dituntut di dalam Islam. Sehingga Allah s.w.t. mencela mereka yang beribadah kepada Allah s.w.t. tetapi tidak membantu orang yang miskin di sekeliling mereka (al-Ma'un : 5-7)

⁵ Rujuk al-Quran, (al-Baqarah: 184), (al-Maidah: 89), al-Maidah: 95) dan (al-Mujadalah: 4).

Pembangunan Menurut Islam

Kebanyakan ahli ekonomi Islam menyatakan pembangunan secara umumnya adalah merupakan proses masyarakat untuk mencapai tahap kehidupan yang sejahtera dengan meletakkan keadilan sosial sebagai teras kepada pembangunan. Ahmad (1986), Chaudry (1999), Khan (1994), Maududi (1984), Chapra (1979) dan Zaman (2008) merujuk pembangunan kepada perkataan *al-falāḥ* (kejayaan) sebagai asas kepada teori objektif-falsafah ekonomi Islam. Untuk mencapai *al-falāḥ*, objektif ekonomi hendaklah saling berkait dengan prinsip keadilan, persaudaraan dan kesatuan di kalangan masyarakat.⁶

Menurut Umer Chapra (1993), bahawa pembangunan dalam masyarakat adalah mustahil untuk dicapai sekiranya ia tidak berpaksikan kepada moral atau norma di dalam masyarakat. Oleh yang demikian, adalah sangat penting bahawa pembangunan sesebuah masyarakat itu selaras dengan pembangunan moral masyarakat itu sendiri.⁷ Manakala di dalam bukunya “*Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*”(2008), keadaan jatuh bangun sesuatu tamadun itu tidak terletak kepada pembangunan secara material semata-mata (seperti bangunan pencakar langit, atau bangunan yang canggih dan serba mewah), malah ia perlu dilihat melalui keadaan masyarakat itu sendiri sama ada mereka hidup dalam keadaan yang sejahtera atau sebaliknya. Beliau mengatakan:

“the rise and fall of civilizations is closely dependent on the well-being or misery of the people”.⁸

Ini bermakna kemajuan dan pembangunan bukan sahaja diukur dari sudut fizikal semata-mata, namun perlu dilihat secara menyeluruh termasuk pembangunan insan itu sendiri. Chapra (2008) di dalam hujahnya mengatakan bahawa peranan dan fungsi moral atau agama adalah merupakan salah satu daripada pemboleh ubah yang penting dalam proses kemajuan dan pembangunan sesuatu masyarakat. Malah, Nisbet (1980) pula menyarankan kesedaran agama atau “reformasi keagamaan besar-besaran” perlu dihidupkan semula supaya pembangunan dapat diteruskan dalam ketamadunan Barat. Ini merujuk kepada tesis beliau di “*History of the Idea of Progress*”, bahawa ketamadunan Barat sedang mengalami kejatuhan yang membimbangkan.⁹ Era pasca modenisasi telah mendorong Barat hidup tanpa pedoman agama dan moral, menyebabkan masyarakat hilang pertimbangan kepercayaan dan hanya bergantung kepada pembangunan material semata-mata yang akhirnya merosakkan nilai-nilai asas kemanusiaan.

⁶ Lihat Ahmad, K., Keynote Address edited by Z. Ahmed, M. Iqbal and M.F. Khan, *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. (Islamabad: IPS, 1986), 339-357. Chaudhry, M.S., *Fundamentals of Islamic Economic System*. (Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore, 1999). Khan, M. A., *An Introduction to Islamic Economics* (Pakistan: Ansari International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies, 1994). Maududi, S. A. A., *Economic System of Islam*, (Lahore: Islamic Publication Ltd., 1984). Chapra, M. U., *Objectives Of The Islamic Economic Order*, (Leicester: The Islamic Foundation, 1979). Zaman, A., *Islamic Economics: A Survey of the Literature*, (UK: Religions and Development Research Programme Birmingham, 2008).

⁷ Umer Chapra, *Islam and the Economic Challenge*, (Leicester: The International Institute of Islamic Thought, 1992), 7.

⁸ Lihat Umer Chapra, *Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*, (UK: The Islamic Foundation, 2008).

⁹ Lihat Robert Nisbet, *History of the Idea of Progress*, (New York: Basic Books, 1980), 317.

Oleh yang demikian, pembangunan sesuatu masyarakat itu hendaklah bertunjangan agama, di mana keadilan hanya mampu dicapai sekiranya masyarakat itu dapat dibangunkan dari sudut material dan bukan material (agama). Kerana keadilan itu sendiri adalah sesuatu yang bersifat *divine* atau suci sepertimana yang dikehendaki sendiri oleh Islam. Ibnu Khaldun mengatakan dalam *Muqaddimah*, “keadilan itu sangat diperlukan dalam pembangunan, dan ketidakadilan akan memberikan kemusnahan kepada ketamadunan”.¹⁰ Chapra (2008) dalam rumusannya menyatakan bahawa keperluan untuk merubah kefahaman kepada ajaran Islam sebenar adalah sangat penting dengan memahami konsep *Maqāṣid al-Sharīʿah*. Ini adalah kerana, prinsip ini memberi penekanan yang khusus kepada matlamat utama *Sharīʿah* untuk menegakkan kemaslahatan umum.¹¹ Dalam aspek ini, keutamaan diberikan kepada perkara *darūriyyāt* (keperluan) yang perlu dipelihara agar masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan sejahtera dari segi ekonomi dan sosial.

Di sini dapat dirumuskan bahawa pembangunan di dalam Islam ialah pembangunan yang meliputi aspek fizikal seperti pembangunan ekonomi, dan aspek bukan fizikal seperti pembangunan insan atau sosial. Kedua-dua aspek ini hendaklah diurus tadbir dengan sistematik agar pembangunan masyarakat akan dapat dibina dengan kukuh dan seimbang. Kegagalan urus tadbir pembangunan ekonomi dan sosial akan mengakibatkan masyarakat tidak dapat menjalani kehidupan yang sejahtera dan mengecapi kemakmuran, sepertimana yang terkandung melalui prinsip maqasid itu sendiri supaya hak-hak asasi manusia seperti menjaga agama, nyawa, aqal, keturunan dan harta dapat dipelihara.¹²

Justeru, pembangunan ekonomi sangat berkait rapat dengan kemunduran. Ini adalah kerana kemunduran boleh berlaku disebabkan oleh kepincangan sistem pengagihan kekayaan negara yang tidak menyeluruh dan pengurusan ekonomi yang tidak berkesan. Oleh yang demikian, mengenalpasti pembangunan daripada perspektif pelbagai dimensi dapat memberikan gambaran tentang status dan identiti sesebuah masyarakat dan negara. Melalui prinsip Maqasid al-Shariah, sesebuah masyarakat itu akan terkeluar daripada masalah keadilan sosial apabila kesemua dimensi daruriyyat (agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) dapat ditingkatkan dan dipelihara.

PERSPEKTIF UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAM (UNDP) TERHADAP PEMBANGUNAN MANUSIA

Salah satu agensi antarabangsa yang bertanggungjawab dalam menilai perkembangan dan pembangunan negara-negara di seluruh dunia ialah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dikenali sebagai PBB atau UN (United Nations). Ianya adalah merupakan agensi yang dibentuk untuk menegakkan hak asasi manusia, menjaga keamanan dunia, menjamin rasa hormat terhadap undang-undang antarabangsa dan memperbaiki taraf hidup penduduk di seluruh dunia.¹³

¹⁰ Ibid., Chapra (2008).

¹¹ Ibid.

¹² Fakhri Sungit, *Pembangunan Ekonomi dan Sosial Melalui Prinsip Maqasid al-Shariah: Analisis Terhadap Polisi dan Orientasi Program Pembangunan di Bank Pembangunan Islam (BPI)*, Proceeding International Research Management & Innovation Conference (2014), Selangor International Islamic University College.

¹³ Lihat www.un.org untuk maklumat lanjut.

Manakala Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu atau UNDP (United Nations Development Program) ditubuhkan untuk memberi penyelesaian terhadap isu-isu ekonomi dan sosial iaitu (i) pembangunan, (ii) pentadbiran yang demokratik dan keamanan, dan (iii) ketahanan bencana alam¹⁴.

Di dalam mengenalpasti tahap pembangunan negara-negara anggota di seluruh dunia, UNDP telah memperkenalkan beberapa komposit indeks pembangunan bermula daripada tahun 1990 lagi. Ianya menjadi petunjuk yang signifikan terhadap tahap pembangunan di negara-negara seluruh dunia. Namun, indeks pembangunan ini telah melalui evolusi dari sudut dimensinya. Ianya disebabkan oleh beberapa faktor iaitu kerana definisi pembangunan yang sentiasa berubah-ubah bersandarkan kepada realiti dan keadaan taraf hidup semasa. Selain itu, kecenderungan ahli ekonomi untuk mengenalpasti sub-dimensi pembangunan yang lebih kompleks dan komprehensif.

Salah satu dimensi pembangunan menurut perspektif UNDP ialah taraf hidup atau tahap pendapatan di bawah garis kemiskinan. Menurut laporan UNDP (2010), menilai suatu kemiskinan mestilah didasari dengan prinsip “deprivation” atau “kekurangan” kerana ia adalah asas kepada konsep pembangunan manusia¹⁵. Dimensi kemiskinan bukan sahaja diukur dari sudut kekurangan pendapatan malah ia boleh diperluaskan lagi seperti kekurangan kesihatan dan nutrisi, pendidikan dan kemahiran, keadaan tempat tinggal dan kekurangan penyertaan dalam sistem sosial. Dalam konteks pembangunan ekonomi, pengukuran dari segi material (wang atau harta benda) adalah sangat signifikan, namun prinsip “kekurangan” dari sudut pelbagai dimensi juga perlu diberi pertimbangan, terutamanya apabila setiap isi rumah atau keluarga menghadapi kesukaran dari segi gaya hidup di mana boleh mendorong untuk dikategorikan di dalam golongan miskin.¹⁶

Menurut Fakhri (2015), dalam kajiannya di dalam satu tesis menyatakan bahawa UNDP telah melalui satu proses evolusi dalam membuat pengukuran terhadap pembangunan ekonomi dan sosial bermula 1990 sehingga 2010. Terdapat tiga indeks yang telah dibangunkan di sepanjang kewujudan UNDP. Beliau menyatakan:

“.....UNDP has developed the Human Development Index (HDI) in 1990. The HDI is a composite of life expectancy at birth, years of schooling, and GNP per capita. Subsequently, the UNDP has developed Human Poverty Index (HPI) to indicate the basic dimensions of deprivation in 1997. It concentrates on the deprivation in the three essential elements of human life which are longevity, knowledge and living standards. However, UNDP introduced the more comprehensive and closer outlook towards household deprivation in the 2010 Human Development Report through Multidimensional Poverty Index (MPI).

¹⁴ Lihat www.undp.org untuk maklumat lanjut.


¹⁵ Dalam hal ini, UNDP mengenalkan dasar dan falsafah pembangunan melalui prinsip “deprivation” atau “kekurangan” dalam mengukur tahap pembangunan ekonomi dan sosial. Sesuatu pembangunan itu dianggap lemah jika dimensi di dalam pembangunan itu kurang mencapai indeks kemiskinan yang ditetapkan, dan begitulah sebaliknya.

¹⁶ UNDP, *Human Development Report*, 2010, 95.

The (MPI) measures deficits in health, education and living standards combining both the number of deprived people and the intensity of their deprivation.”¹⁷

Jika dirujuk kepada kenyataan di atas, UNDP menjadikan tiga tunjang utama dalam pengukuran pembangunan manusia iaitu dimensi kesihatan, pendidikan dan ekonomi atau gaya hidup. Yang membezakan antara ketiga-tiga indeks (HDI, HPI dan MPI) ialah sub-indikator atau sub-dimensinya. Ianya telah melalui proses evolusi di mana pengukuran Multidimensional Poverty Index (MPI) lebih kompleks dan terperinci. Rajah di bawah adalah ilustrasi indikator Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi daripada UNDP.

Rajah 1:
Indikator Kemiskinan Pelbagai Dimensi¹⁸



Laporan UNDP terhadap Pembangunan di Negara-negara Islam

Berikut adalah laporan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh UNDP berdasarkan kepada indeks pembangunan manusia (HDI) (di mana ukuran dilakukan berdasarkan kepada tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan ekonomi atau gaya hidup) di negara-negara Islam untuk tahun 1980 hingga 2011.

¹⁷ Fakhri Sungit, *Economic and Human Development Programs in the Muslim World: A Case Study of Islamic Development Bank (IDB)*, unpublished dissertation submitted to International Islamic University Malaysia (IIUM), 2015, 168.

¹⁸ UNDP, *Human Development Report*, 2010, 95.

Rajah 2:
Human Development Index (HDI) Trends, 1980-2011¹⁹

| Country | Year | | | | | | |
|--------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| | 1980 | 1990 | 2000 | 2005 | 2009 | 2010 | 2011 |
| VHHD | | | | | | | |
| UAE | 0.629 | 0.690 | 0.753 | 0.807 | 0.841 | 0.845 | 0.846 |
| Brunei | 0.750 | 0.784 | 0.818 | 0.830 | 0.835 | 0.837 | 0.838 |
| Qatar | 0.703 | 0.743 | 0.784 | 0.818 | 0.818 | 0.825 | 0.831 |
| Bahrain | 0.651 | 0.721 | 0.773 | 0.795 | 0.805 | 0.805 | 0.806 |
| VHD | | | | | | | |
| Saudi Arabia | 0.651 | 0.693 | 0.726 | 0.746 | 0.763 | 0.767 | 0.770 |
| Malaysia | 0.559 | 0.631 | 0.705 | 0.738 | 0.752 | 0.758 | 0.761 |
| Kuwait | 0.688 | 0.712 | 0.754 | 0.752 | 0.757 | 0.758 | 0.760 |
| Libya | --- | --- | --- | 0.741 | 0.763 | 0.770 | 0.760 |
| Kazakhstan | --- | --- | 0.657 | 0.714 | 0.733 | 0.740 | 0.745 |
| Albania | --- | 0.656 | 0.691 | 0.721 | 0.734 | 0.737 | 0.739 |
| Lebanon | --- | --- | --- | 0.711 | 0.733 | 0.737 | 0.739 |
| Mauritius | 0.546 | 0.618 | 0.672 | 0.703 | 0.722 | 0.726 | 0.728 |
| Iran | 0.437 | 0.534 | 0.636 | 0.671 | 0.703 | 0.707 | 0.707 |
| Oman | --- | --- | --- | 0.694 | 0.703 | 0.704 | 0.705 |
| Azerbaijan | --- | --- | --- | --- | --- | 0.699 | 0.700 |
| MHD | | | | | | | |
| Turkey | 0.463 | 0.558 | 0.634 | 0.671 | 0.690 | 0.696 | 0.699 |
| Tunisia | 0.450 | 0.542 | 0.630 | 0.667 | 0.692 | 0.698 | 0.698 |
| Jordan | 0.541 | 0.591 | 0.646 | 0.673 | 0.694 | 0.697 | 0.698 |
| Algeria | 0.454 | 0.551 | 0.624 | 0.667 | 0.691 | 0.696 | 0.698 |
| Turkmenistan | --- | --- | --- | 0.654 | 0.677 | 0.681 | 0.686 |
| Suriname | --- | --- | --- | 0.659 | 0.674 | 0.677 | 0.680 |
| Gabon | 0.522 | 0.605 | 0.621 | 0.648 | 0.664 | 0.670 | 0.674 |
| Maldives | --- | --- | 0.576 | 0.619 | 0.650 | 0.658 | 0.661 |
| Egypt | 0.406 | 0.497 | 0.585 | 0.611 | 0.638 | 0.644 | 0.644 |
| Palestine | --- | --- | --- | --- | --- | 0.640 | 0.641 |
| Uzbekistan | --- | --- | --- | 0.611 | 0.631 | 0.636 | 0.641 |
| Syria | 0.497 | 0.548 | 0.583 | 0.621 | 0.630 | 0.631 | 0.632 |
| Indonesia | 0.423 | 0.481 | 0.543 | 0.572 | 0.607 | 0.613 | 0.617 |
| Kyrgyzstan | --- | --- | 0.577 | 0.595 | 0.611 | 0.611 | 0.615 |
| Tajikistan | --- | --- | 0.527 | 0.575 | 0.600 | 0.604 | 0.607 |
| Iraq | --- | --- | --- | 0.522 | 0.565 | 0.567 | 0.573 |
| LHD | | | | | | | |
| Pakistan | 0.359 | 0.399 | 0.436 | 0.480 | 0.499 | 0.503 | 0.504 |
| Bangladesh | 0.303 | 0.352 | 0.422 | 0.462 | 0.491 | 0.496 | 0.500 |
| Cameroon | 0.370 | 0.427 | 0.427 | 0.449 | 0.475 | 0.479 | 0.482 |
| Yemen | --- | --- | 0.374 | 0.422 | 0.452 | 0.460 | 0.462 |
| Senegal | 0.317 | 0.365 | 0.399 | 0.432 | 0.453 | 0.457 | 0.459 |
| Nigeria | --- | --- | --- | 0.429 | 0.449 | 0.454 | 0.459 |
| Mauritania | 0.332 | 0.353 | 0.410 | 0.432 | 0.447 | 0.451 | 0.453 |
| Uganda | --- | 0.299 | 0.372 | 0.401 | 0.438 | 0.442 | 0.446 |
| Togo | 0.347 | 0.368 | 0.408 | 0.419 | 0.429 | 0.433 | 0.435 |
| Comoros | --- | --- | --- | 0.428 | 0.430 | 0.431 | 0.433 |
| Djibouti | --- | --- | --- | 0.402 | 0.425 | 0.427 | 0.430 |

¹⁹ UNDP, *Human Development Report*, 2011, 131.

| | | | | | | | |
|---------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Benin | 0.252 | 0.316 | 0.378 | 0.409 | 0.422 | 0.425 | 0.427 |
| Gambia | 0.272 | 0.317 | 0.360 | 0.384 | 0.413 | 0.418 | 0.420 |
| Sudan | 0.264 | 0.298 | 0.357 | 0.383 | 0.403 | 0.406 | 0.408 |
| Cote d'Ivoire | 0.347 | 0.361 | 0.374 | 0.383 | 0.397 | 0.401 | 0.400 |
| Afghanistan | 0.198 | 0.246 | 0.230 | 0.340 | 0.387 | 0.394 | 0.398 |
| Mali | 0.174 | 0.204 | 0.275 | 0.319 | 0.352 | 0.356 | 0.359 |
| Guinea-Bissau | --- | --- | --- | 0.340 | 0.348 | 0.351 | 0.353 |
| Guinea | --- | --- | --- | 0.326 | 0.341 | 0.342 | 0.344 |
| Sierra Leone | 0.248 | 0.241 | 0.252 | 0.306 | 0.329 | 0.334 | 0.336 |
| Burkina Faso | --- | --- | --- | 0.302 | 0.326 | 0.329 | 0.331 |
| Chad | --- | --- | 0.286 | 0.312 | 0.323 | 0.326 | 0.328 |
| Mozambique | --- | 0.200 | 0.245 | 0.285 | 0.312 | 0.317 | 0.322 |
| Niger | 0.177 | 0.193 | 0.229 | 0.265 | 0.285 | 0.293 | 0.295 |

Terdapat 4 kategori negara berdasarkan kepada indeks pembangunan manusia HDI (Human Development Index) iaitu (i) pembangunan manusia-sangat tinggi (VHHD), (ii) pembangunan manusia-tinggi (HHD), (iii) pembangunan manusia-sederhana (MHD), dan (iv) pembangunan manusia-rendah (LHD). Terdapat 4 negara yang berada di kategori VHHD iaitu United Arab Emirates, Brunei Darussalam, Qatar dan Bahrain dengan index 0.846, 0.838, 0.831 dan 0.806 masing-masing. Negara-negara ini telah mengekalkan status negara VHHD dengan nilai index melebihi 0.800 sejak tahun 2005 kecuali Brunei yang mencapai status VHHD pada tahun 2000 dengan index 0.818. Ini menunjukkan terdapat segelintir negara-negara Islam yang berjaya mengurus ekonomi dan sosial negara dengan jayanya. Namun, gambaran ini hanya mewakili 7.2 peratus sahaja daripada keseluruhan negara-negara anggota yang lain. Tambahan pula, negara ini merupakan negara terbesar penghasil sumber asli seperti minyak dan gas yang menyumbang kepada KDNK²⁰ negara.

Laporan UNDP juga menunjukkan bahawa terdapat 11 negara anggota yang mencapai status HHD. Terdapat beberapa negara yang berpotensi untuk mencapai status VVHD pada masa akan datang berdasarkan kepada pencapaian index sepanjang 10 tahun iaitu Arab Saudi, Malaysia, Kuwait, Libya dan Kazakhstan. Tambahan pula negara-negara ini adalah pengeluar dan pengeksport minyak dan gas. Kazakhstan menunjukkan peningkatan prestasi paling ketara apabila berubah daripada status MHD kepada HHD pada 2005. Bagaimana pun negara dalam kategori ini hanya mewakili 19.6 peratus sahaja daripada keseluruhan negara anggota.

Manakala 16 negara anggota pula mewakili negara berstatus MHD pada tahun 2011. Beberapa buah negara berpotensi untuk mengubah status kepada HHD pada masa akan datang berdasarkan kepada purata peratus kenaikan indeks seperti Turki (0.699) dan Tunisia, Jordan dan Algeria (0.698 masing-masing). Jordan dan Gabon pula menunjukkan prestasi yang perlahan apabila berada di kategori MHD selama 30 tahun semenjak tahun 1980. Secara keseluruhannya 16 negara anggota mewakili 28.6 peratus daripada kategori MHD.

Laporan HDI 2011 ini juga menunjukkan terdapat 24 negara yang berstatus LHD. Ia mewakili 44.6 peratus daripada jumlah negara anggota, dan 52 peratus daripada keseluruhan jumlah negara LHD di seluruh dunia. Yang paling membimbangkan, terdapat 3 negara di antara

²⁰ Keluaran Dalam Negara Kasar.

5 negara yang paling rendah pencapaian pembangunan ekonomi dan sosial iaitu Niger (0.295), Mozambique (0.322) dan Chad (0.328). Hanya Pakistan dan Bangladesh menunjukkan prestasi pembangunan melebihi indeks 0.500 pada tahun 2011 manakala selebihnya di bawah paras tersebut. Ini menunjukkan suatu petanda yang serius dan perlu diberi perhatian terutamanya negara anggota di benua Afrika. Tambahan pula, jika dikumpulkan kategori kepada 2 kumpulan, ia menunjukkan hanya 26.8 peratus sahaja negara yang mewakili VHHD dan HHD, manakala selebihnya (73.2 peratus) mewakili negara dalam kategori MHD dan LHD. Secara keseluruhannya, peratusan ini menunjukkan terdapat masalah “deprivation” atau “kekurangan” dan ketidakseimbangan yang serius di kebanyakan negara-negara anggota.

Kesimpulannya, pengukuran yang dilakukan oleh UNDP adalah bertunjangkan kepada tiga dimensi utama iaitu, kesihatan, pendidikan dan ekonomi atau gaya hidup. Hasil laporan UNDP menunjukkan kebanyakan negara-negara Islam tidak mencapai pencapaian yang membanggakan malah lebih daripada 70 peratus hidup dalam kekurangan atau kemunduran. Pengukuran ini telah memberikan impak yang besar terhadap dasar pembangunan ekonomi dan sosial terutamanya bagi pihak kerajaan dan agensi-agensi antarabangsa²¹ yang terlibat secara langsung dalam program pembangunan di negara-negara terbabit.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga dimensi ini adalah bersifat material semata-mata, sedangkan dalam teori objektif-falsafah ekonomi Islam meletakkan sasaran *al-falah* sebagai pedoman dan matlamat dalam menguruskan alam dan sumbernya. Terkandung di dalamnya matlamat untuk menguruskan dunia sebagai matlamat mencapai keabadian kehidupan dan kebahagiaan di akhirat kelak. Manusia adalah sebaik-baik ciptaan Allah s.w.t. yang terdiri daripada unsur rohani dan jasmani, justeru hendaklah dipelihara mengikut kerangka syariat Allah s.w.t bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Maka, dalam konteks pembangunan manusia, pengukuran yang ideal dengan matlamat prinsip Syariah ialah dengan membangunkan hal-hal yang bersifat material dan non-material dengan mencakupi prinsip-prinsip *maqasid al-syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

KERANGKA MAQASID AL-SYARIAH DALAM PEMBANGUNAN ISLAM

Terdapat beberapa literatur yang mencadangkan agar prinsip *Maqasid al-Syariah* digunakan sebagai kerangka untuk menilai dan mengukur tahap pembangunan sesebuah negara atau masyarakat. Sebagai contoh Umer Chapra (2000) menekankan prinsip *Maqasid al-Syariah* dijadikan asas kepada objektif ekonomi Islam²². Dan kemudian muncul beberapa cadangan daripada ahli-ahli ekonomi Islam supaya pembangunan diukur dengan menggunakan indeks yang berpaksikan *Maqasid al-Syariah*. Bahagian ini akan membincangkan bagaimana idea

²¹ Dalam konteks negara-negara Islam, Organisasi Kerjasama Islam (OIC) berperanan untuk membantu dan menyediakan program-program pembangunan melalui sayapnya iaitu Bank Pembangunan Islam (IDB) yang berperanan membangunkan ekonomi dan sosial umat Islam. Justeru orientasi dan dasar pembangunan oleh IDB adalah berdasarkan kepada sumber dan maklumat daripada hasil kajian dan penyelidikan berkaitan ekonomi oleh agensi-agensi yang berautoriti seperti World Bank dan UNDP.

²² Lihat M. Umer Chapra, *The Future of Economics: An Islamic Perspective*, (UK: Leicester: The Islamic Foundation, 2000), 118.

Maqasid al-Syariah dijadikan pemberat dalam menilai dan mengukur pembangunan yang merangkumi aspek pembangunan jasmani dan rohani.

Pengenalan kepada Maqasid al-Syariah

Menurut al-Qaradawi (1998), keperluan di dalam kehidupan manusia boleh dibahagikan kepada empat peringkat. Pertama ialah *darurah* iaitu keadaan di mana manusia berusaha untuk meneruskan hidup dan menjaga survival mereka daripada kematian dan kemusnahan. Kedua ialah *kafaf* atau kecukupan. Ia merupakan satu keadaan yang menggambarkan batas minimum kehidupan di mana ianya tidak kurang atau tidak lebih atau tidak berpeluang untuk bermewah-mewahan walaupun sedikit. Peringkat yang lebih baik darinya adalah *tamam al-kifayah* atau mencapai makna kesempurnaan yang mencukupi. Maknanya bukan sekadar cukup, tetapi disempurnakan lagi dengan pelbagai kemudahan hidup. Inilah peringkat yang dikehendaki Islam.

Manakala Imam al-Nawawi dalam mendefinisikan perkataan *kifayah* menyatakan bahawa sesuatu yang dianggap sebagai keperluan hidup adalah makanan, pakaian, rumah dan semua kelaziman yang sesuai dengan keadaan dirinya, dengan tidak berlebih-lebihan dan tidak pula kekurangan, cukup untuk dirinya dan untuk orang yang dalam tanggungannya (al-Qaradawi, 1998)

al-Qaradawi (1998:246) telah menambahkan lagi satu unsur baru dalam mentakrifkan *kifayah* iaitu apa yang patut dimilikinya mengikut keadaan zaman dan lingkungannya. Ini kerana manusia sentiasa berubah mengikut perubahan zaman dan persekitaran. Banyak benda yang pada masa dahulu dianggap satu kemewahan dan kesempurnaan, tetapi pada zaman ini ia satu keperluan biasa.

Peringkat terakhir adalah peringkat *al-taraf* (mewah). Ia seharusnya ditolak, ini bermakna seseorang muslim harus menjalani kehidupan tidak sampai kepada keadaan yang terlalu bermewah sebaliknya pada kadar yang sederhana dan mengikut keperluan. Secara amnya, seseorang yang hidup dalam masyarakat Islam harus mampu mencapai satu peringkat kehidupan yang sesuai dengan keadaannya, boleh membantunya menunaikan kewajipan terhadap Allah dan melindunginya daripada keperitan hidup.

Maqasid al-Syariah dan Dimensi Pembangunan Manusia

Al-Ghazzali merumuskan objektif Syariah adalah untuk menjaga kemaslahatan kehidupan manusia yang merangkumi aspek menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kemudiannya, al-Syatibi mengkategorikan *Maqasid al-Syariah* kepada keutamaan dalam menentukan keperluan iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.²³ Beliau juga telah menjelaskan keutamaan dalam menjaga dan memelihara lima *daruriyyat* (*daruriyyat al-khams*) iaitu:

1. Prinsip Memelihara Kesucian Agama (*al-Din*)

²³ Lihat Raisuni, *Imam al-Syatibi's Theory of the Objectives and Ontents of Islamic Law*, (US: Herndon: The International Institute of Islamic Thought, 2006).

Memelihara kesucian agama (*al-din*) merangkumi tiga maksud iaitu wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w., hukum yang melibatkan keimanan kepada Allah, rasulnya dan hari akhirat, dan hukum hakam yang berkenaan dengan kehidupan zahir manusia (Abdul Basir 2009:8). Martabat yang paling tinggi dalam agama adalah pengiktirafan tentang keesaan Allah, keyakinan terhadap hari kiamat dan perara ghaib. Bagi menjaga kepentingan agama dan akidah, Islam mewajibkan beriman dengan rukun iman dan meletakkan amalan dengan rukun Islam. Justeru setiap muslim perlu berpegang teguh kepada ajaran Islam dan tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya. Maka setiap tindakan dan usaha yang dilakukan termasuk dalam mencari rezeki dan memperbaiki taraf kehidupan perlu mengikut lunas-lunas ajaran Islam.

2. ***Prinsip menjaga Keselamatan Nyawa (al-Nafs)***

Islam melindungi nyawa manusia dan menitikberatkan hak-hak asasi manusia. Antara perkara yang termasuk dalam kategori melindungi nyawa ialah seperti berikut iaitu setiap individu berhak hidup di bawah naungan Islam, memelihara kesucian dan kehormatan sebagai seorang manusia, memelihara anggota dan tubuh badan dari dicerobohi dan disakiti dan menjamin kebebasan individu dalam berfikir dan lain-lain. Allah mengharamkan sebarang pencerobohan terhadap anggota dan nyawa manusia, seperti melakukan sesuatu yang menyakitkan dan juga melakukan sebarang pembunuhan sama ada diri sendiri mahupun orang lain (Rosli & Fikri 2007:133). Prinsip ini akan mendorong individu berusaha keras bagi memastikan mereka berupaya menjaga keselamatan diri dan keluarga. Maka sebarang tingkah laku mereka akan berteraskan kepada menjaga keharmonian dan tidak akan melakukan sesuatu tindakan yang akan mendatangkan bahaya atau membahayakan diri sendiri dan pihak lain.

3. ***Prinsip menjaga kewarasan Akal dan Fikiran (al-Aqal)***

Akal adalah anugerah Allah yang paling berharga. Kepentingan dan fungsi akal antaranya ialah Islam amat menekankan terhadap penjagaan akal manusia, akal adalah penentu kepada wujudnya tanggungjawab individu terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Individu yang memiliki akal yang sihat akan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Demi menjaga kesejahteraan akal, Islam telah mensyariatkan agar setiap individu muslim menuntut ilmu bermula dari fardu ain iaitu ilmu yang memfokuskan kepada keperibadian individu sehinggalah kepada fardu kifayah, iaitu yang lebih umum serta memfokuskan tanggungjawab individu dalam sesebuah masyarakat. Kejahilan dalam beragama boleh membawa kepada syirik sementara jahil di bidang keduniaan membawa kepada kelemahan dan kemunduran. Keperihatinan Islam terhadap pegangan akal ialah apabila Islam mengharamkan setiap perkara yang memabukkan serta kepercayaan kepada sihir dan khurafat (Rosli & Fikri 2007:134). Justeru itu tidak dapat disangkal prinsip menjaga akal dan fikiran (*al-aqal*) ini akan mendorong setiap individu menggunakan kelebihan akal yang ada untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran untuk menjamin kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

4. ***Prinsip menjaga Keturunan dan Maruah (al-Nasal)***

Islam menekankan terhadap aspek penjagaan keturunan kerana ia menjamin terpeliharanya nyawa dan tubuh badan. Pertautan antara hubungan persaudaraan yang disandarkan Islam kepada umatnya menjamin pembentukan keluarga, masyarakat

seterusnya negara yang kuat dan bersatu padu. Bermulanya dengan individu yang baik, ianya akan memberi faedah kepada masyarakat dengan sikap mesra, terbinanya kasih sayang, bertanggungjawab, sikap ingin membela kepada kaum yang lemah, sikap prihatin dan menghulurkan bantuan kepada sesama anggota masyarakat. Islam melarang permusuhan, pertelingkahan dan pertikaian. Islam telah meletakkan hukum yang berkaitan demi menjaga kemaslahatan keturunan manusia seperti hukum hakam mengenai perkahwinan yang berkaitan dengan hubungan suami isteri, pendidikan, anak-anak, kekeluargaan dan juga mengharamkan perlakuan zina, bersekedudukan, pergaulan bebas dan seumpamanya (Rosli & Fikri 2007:136). Ini bermakna mereka yang mampu menjaga batas-batas kehormatan diri, maruah dan nama baik keturunan secara tidak langsung akan dapat membantu membina masyarakat yang bermaruah di samping diri mereka sendiri akan lebih diterima dan dihormati. Mereka juga akan sentiasa berpegang kepada ajaran Islam dan tidak terdorong untuk melakukan sesuatu yang akhirnya merosakkan maruah diri dan keturunan.

5. *Prinsip Menjaga Harta (al-Mal)*

Harta merupakan nadi kehidupan manusia dan tunggak kepada sesetengah syiar Islam. Islam telah menggalakkan pencarian harta dan rezeki dengan jalan dan cara yang betul. Beberapa masalah dalam pemilikan harta diharuskan dalam Islam. Antaranya Islam menjadikan persetujuan antara kedua belah pihak sebagai asas jual beli dan muamalah. Mensyariatkan zakat, sedekah, wakaf, hutang, menggalakkan pelaburan positif dan meluaskan manfaat ekonomi. Islam juga melarang pengambilan harta melalui penindasan, penipuan dan pencerobohan hak orang lain. Islam juga menghalang perbuatan mencuri, memakan riba, menyeludup, berjudi, rasuah dan lain-lain (Rosli & Fikri 2007). Ini bermakna ajaran Islam tidak menghalang umatnya mengejar kekayaan asalkan harta yang diperoleh adalah dari kaedah dan sumber yang halal. Seseorang Muslim mesti bijak menggunakan peluang yang ada untuk mencari rezeki dan seterusnya menjaga harta benda demi kesejahteraan diri dan keluarga. Berdasarkan harta yang diperoleh ini ianya digunakan untuk mengukur taraf ekonomi seseorang sama ada ia berupaya memenuhi keperluan pada tahap paling minima iaitu memenuhi keperluan asasi yang diperlukan untuk menjalani kehidupan. Namun, ia bukanlah menjadi matlamat paling utama untuk mengejar kesenangan dan keselesaan duniawi sehinggakan melupakan matlamat lain.

Al-Qaradawi (1998:247-253) menjelaskan dengan terperinci ciri-ciri keperluan yang bersifat *daruriyyat* iaitu keperluan yang mesti dan dituntut untuk dijaga dan dipelihara, kerana tanpanya maka akan berlaku kemudaratan yang membawa kepada kemusnahan dan kehancuran. Al-Qaradawi telah merumuskan ciri-ciri lima *daruriyyat (daruriyyat al-khams)* kepada beberapa dimensi di dalam kehidupan manusia iaitu:

- i. Kadar makanan yang cukup untuk memberi kekuatan tubuh bagi menunaikan kewajipan kepada Allah, diri, keluarga dan masyarakat;
- ii. Kadar air yang mencukupi untuk minum, pengairan dan kebersihan umum;
- iii. Pakaian yang cukup untuk menutup aurat dan melindungi daripada kepanasan dan kesejukan untuk penampilan yang baik;
- iv. Rumah kediaman yang mampu memberikan kedamaian, kelapangan, melindungi

- alam sekitar, kebebasan bergerak dengan tidak mendedahkan aurat kepada orang lain;
- v. Wang simpanan yang cukup untuk berkahwin dan membina keluarga;
 - vi. Sejumlah wang untuk membantunya mencari ilmu dan membekalkannya kepada anak
 - vii. Mencari rawatan perubatan apabila sakit; dan
 - viii. Menabung wang yang berlebihan untuk menunaikan ibadah haji.

Jika diteliti dimensi yang dirumuskan oleh al-Qaradawi dalam menjaga dan memelihara lima *daruriyyat* tersebut, maka bolehlah disimpulkan bahawa keperluan *daruriyyat* oleh setiap individu itu mestilah meliputi perkara-perkara yang disebutkan di atas. Jika salah satunya diabaikan atau tidak dipelihara, maka akan berlaku kepincangan dalam kehidupannya. Dimensi yang disebutkan di atas juga adalah perkara yang asas dalam kehidupan manusia dan ianya merentasi *'uruf* dan sempadan budaya kehidupan seorang muslim di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, boleh sahaja berlaku pertambahan dimensi *daruriyyat*nya mengikut keadaan masa dan tempat, kerana ianya bersifat relatif dan anjal. Boleh jadi ianya sangat penting di suatu tempat atau masa tertentu tetapi tidak pula penting di suatu tempat dan masa yang lain. Justeru, dimensi *daruriyyat* mestilah dilihat dalam konteks menjaga masalah khusus dan umum yang dapat melepaskan dirinya dan masyarakat daripada kemusnahan dan kehancuran.

INDEKS PEMBANGUNAN MANUSIA MELALUI PERSPEKTIF MAQASID AL-SYARIAH

Dimensi pemeliharaan 5 perkara *daruriyyat* menjadi asas kepada pengukuran pembangunan dalam menghuraikan aspek indeks pembangunan manusia melalui perspektif Maqasid al-Syariah. Berbanding perspektif UNDP yang mengukur indeks pembangunan manusia (HDI) melalui dimensi pendidikan, kesihatan dan gaya hidup, perspektif Maqasid al-Syariah mengukur indeks pembangunan manusia melalui pemeliharaan agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasl*) dan harta (*al-mal*).

Asas kepada dimensi-dimensi ini dapat dikategorikan kepada 2 bahagian pembangunan iaitu (i) pembangunan material, dan (ii) pembangunan non-material. Pembangunan material adalah terdiri daripada dimensi pemeliharaan harta, manakala pembangunan non-material pula adalah terdiri daripada dimensi pemeliharaan agama, nyawa, akal dan keturunan. Justeru, perbezaan antara perspektif "*deprivation*" daripada UNDP agak kurang menyeluruh jika dibandingkan dengan perspektif Maqasid al-Shariah yang meliputi pembangunan material dan non-material.²⁴ Walaupun pembangunan non-material dilihat seakan tidak secara terus terarah kepada pembangunan ekonomi dan sosial, namun hakikatnya pembangunan non-material merupakan pembangunan manusia secara menyeluruh yang boleh menyumbang kepada melahirkan warganegara yang baik dan modal insan yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, modal insan dapat dibangunkan dan sumber alam akan ditadbir oleh individu-individu yang mengikut nilai etika dan moral yang tinggi. Dan secara langsung dapat mewujudkan sumber pendapatan yang maksima kepada negara dan hasilnya dapat dimanfaatkan oleh rakyat di negara tersebut.

²⁴ Fakhri, 283.

Inovasi Pengukuran Pembangunan Manusia Melalui Indeks Maqasid al-Syariah

Bahagian ini menghuraikan beberapa literatur berkenaan dengan pengukuran indeks yang berpaksikan kerangka *Maqasid al-Syariah*. Terdapat pelbagai usaha telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji muslim mahupun bukan muslim berkaitan isu dan perkara mengenai syariah dan *Maqasid al-Syariah*. Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, mereka membuktikan keperluan dan kepentingan aspek pematuhan syariah dalam pelbagai sektor yang merangkumi aspek tuntutan agama mahupun peningkatan hasil dan ekonomi negara. Dalam konteks inisiatif untuk mengukur tahap keseriusan sesebuah negara dalam mematuhi *Maqasid al-Syariah* secara menyeluruh, kajian-kajian awal ini bolehlah dianggap sebagai inisiatif perintis dan inovasi kaedah pengukuran pembangunan yang menggabungkan aspek kerohanian dan material yang boleh dijadikan rujukan dan pengukuhan oleh mana-mana pihak pada masa hadapan.

Antara literatur yang berkaitan dengan indeks pembangunan yang mengintegrasikan aspek agama yang mencerminkan kebahagiaan dan kesejahteraan dalam pembangunan rohani yang telah diiktiraf sebagai satu komponen penting ini adalah seperti yang dibincangkan di bawah.

Rehman dan Askari (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk *How Islamic are Islamic Countries?* telah membangunkan pengukuran bertemakan Indeks *Islamicity* untuk mengukur tahap “*Islamicity*” atau sejauh mana Islamnya sesebuah negara Islam dan bukan Islam berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Indeks ini dibangunkan bagi tujuan untuk mengetahui sama ada Islam adalah faktor yang meningkatkan pembangunan manusia dan prestasi ekonominya. Ia menggunakan empat sub-indeks iaitu (i) Indeks *Islamicity* Ekonomi, (ii) Indeks *Islamicity* Perundangan dan Tadbir Urus, (iii) Indeks *Islamicity* Manusia, dan (iv) Indeks *Islamicity* Perhubungan Antarabangsa.

Kajian seterusnya ialah mengenai *Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan* oleh Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim dan Siti Norliza Jumali (2012) yang membincangkan mengenai pengukuran kemiskinan di Malaysia. Kajian ini mengemukakan satu alternatif baru untuk mengukur kemiskinan bagi Daerah Baling di negeri Kedah dengan menggunakan indeks kemiskinan pelbagai dimensi atau lebih dikenali dengan ‘multidimensional poverty index’ (MPI) yang diperkenalkan oleh Alkire dan Foster (2007). Di dalam kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti empat belas indikator dalam empat dimensi yang dikaji iaitu dimensi pendidikan, kesihatan, kesejahteraan dan kekayaan. Bagaimana pun, dimensi yang digunakan tidak mengintegrasikan komponen aspek agama dalam pembinaan indeks kemiskinan. Boleh dikatakan kajian ini lebih cenderung menggunakan pengukuran indeks kemiskinan secara konvensional.


Dalam kajian yang lain, Salman Syed Ali dan Hamid Hasan (2014) melalui kajiannya yang bertajuk *Towards a Maqasid al-Shariah based Development Index* adalah merupakan penulisan tentang mengukur kemajuan dan pembangunan melalui tahap pengurangan kemiskinan pendapatan. Ini kerana terdapat kajian lain untuk mengukur kadar pertubuhan sosial dan pengagihan bagi kumpulan yang berpendapatan rendah. Akan tetapi, semua langkah-langkah ini dinilai secara syariah kerana tidak boleh di buat pemerhatian secara empirikal sahaja. Ini kerana

syariah membenarkan tujuan hidup dan nilai-nilai moral yang boleh menyokong tujuan dan skop untuk kesejahteraan dan pembangunan umat Islam.

Kajian lain yang berkaitan ialah *Pelaksanaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI): Keperluan Dalam Konteks Maqasid Syariah* oleh Fadilah Mat Nor (2014). Kajian ini membincangkan tentang keperluan dan cabaran penggunaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI) dalam mengukur kemampuan ekonomi ummah di Malaysia secara amnya. Indeks ini adalah alternatif yang mengukur tiga komponen utama iaitu (i) Indeks Pembangunan ekonomi, (ii) Indeks Pembangunan Sosial, dan (iii) Indeks Pembangunan Kerohanian Umat Islam. Perbincangan juga adalah berkisarkan pengenalan terhadap MUDI itu sendiri, keperluan mengukur kemampuan ekonomi ummah berlandaskan MUDI, serta penilain subindeks yang sesuai mengikut lima dimensi yang dituntut dalam *maqasid al-syariah* dan alternatif kepada indeks Pembangunan Manusia (HDI).


Hendry Anto (2009) di dalam *Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC Countries* menggunakan pendekatan *maqasid al-syariah* untuk mengukur tahap pembangunan dan kemajuan. Beliau mengatakan bahawa *maqasid al-Syariah* merupakan satu pendekatan untuk membawa kepada kemaslahatan umum dan keadilan sosial. Dalam kajiannya, terdapat 5 dimensi untuk dikenalpasti iaitu pembangunan (i) agama, (ii) nyawa, (iii) akal, (iv) keturunan, dan (v) harta. Beliau menggunakan tema I-HDI (Islamic-Human Development Index) yang terdiri daripada Indeks Kebajikan Material (MWI) dan Indeks Kebajikan Bukan Material (NWI) yang mewakili lima keperluan asas dalam *Maqasid al-Syariah*. Di samping itu, ia juga termasuk Indeks Kebebasan dan Indeks Alam Sekitar. Di sini disertakan dimensi dan indikator yang dibangunkan oleh Anto:

Rajah 3:
Indeks Agama²⁵




²⁵ MB Hendry Anto, *Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC Countries*, (Jeddah: Islamic Development Bank (IDB), 2010).


Rajah 4:
Indeks Nyawa²⁶



Rajah 5:
Indeks Akal²⁷



Rajah 6:
Indeks Keturunan²⁸




²⁶ Ibid.


²⁷ Ibid.

²⁸ Ibid.


Rajah 7:
 Indeks Harta²⁹



Rajah 8:
 Indeks Pelbagai Dimensi³⁰



Rajah 9:
 Indeks Pembangunan Manusia-Islam³¹



²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

³¹ Ibid.

Manakala Ruzita et. al. (2014) dalam kajiannya bertajuk *The Integrated Development Index (I-Dex): A New Comprehensive Approach to Measuring Human Development* pula memperkenalkan jadual komponen syariah serta dimensi setiap komponen tersebut. Pengkaji telah merumuskan sub-dimensi atau elemen setiap dimensi yang terperinci dalam menilai dan mengukur pembangunan manusia berdasarkan prinsip *Maqasid al-Syariah*. Berikut adalah jadual I-Dex yang dibangunkan penulis.

Rajah 10:
*The Integrated Development Index (I-Dex)*³²

| Komponen | Dimensi | Elemen |
|-----------------|---|---|
| Al-din (agama) | Pembangunan ruh | Aspek akidah |
| | | Jumlah masjid |
| | | Jumlah sekolah agama |
| | Akhlak | Tahap rasuah |
| | | Perkhidmatan sosial |
| | | Kerja sukarela |
| | Praktikal Islam | Solat lima waktu |
| | | Membayar zakat |
| Al-‘aql (akal) | Mengoptimumkan akal | pekerjaan |
| | | Peluang penyelidikan |
| | | Kebebasan berfikir dan bersuara |
| | Membangunkan intelek (pembangunan fizikal otak) | Menjaga kesihatan |
| | | Penyediaan makanan dan minuman yang sihat |
| | | Pencemaran alam sekitar |
| | Membangunkan intelek (pembangunan bukan fizikal/mental) | Keadaan kesihatan mental |
| | | pendidikan |
| | | Akses kepada internet |
| | Menjaga fikiran daripada perkara negatif | Minuman keras |
| | | dadah |
| | | Kegiatan jenayah / haram |
| Al-nafs (nyawa) | Keperluan asas (fizikal) | Penyediaan makanan |
| | | Bekalan air bersih |
| | | elektrik |
| | | Perumahan / tempat tinggal |
| | | Sumber untuk bekerja |
| | Keperluan asas (spiritual) | Pendidikan (agama / bukan agama) |
| | Keperluan moral | Tadbir urus yang baik |
| | | Hak asasi manusia |
| | | Hakim negara |
| | | Kebebasan politik |

³² Ruzita Mohd Amin, Mohamed Aslam Haneef, Mustafa Omar Muhammad, Gapur Oziev, *The Integrated Development Index (I-Dex): A New Comprehensive Approach to Measuring Human Development*.

| | | |
|--------------------------------------|--|---|
| | Keperluan sosial | Keadilan sosial |
| | | Institusi perkahwinan/keluarga |
| | | Kehidupan masyarakat |
| | Perlindungan ancaman (manusia) | Keselamatan awam |
| | | Kestabilan politik dan keamanan |
| | | Penjagaan kesihatan pencegahan |
| Perlindungan ancaman (bukan manusia) | Perkhidmatan perubatan | |
| | | |
| Al-mal (harta) | Perlindungan hakmilik dan harta | Hakmilik |
| | | Akses kepada badan kehakiman |
| | Perlindungan kekayaan dan harta benda daripada kerosakan | insuran |
| | Pemeliharaan kekayaan melalui perlindungan nilai | Kestabilan harga |
| | Pemeliharaan kekayaan melalui pengagihannya | Pengantara kewangan |
| | | Perolehan dan pengembangan harta / kekayaan |
| | | Adanya kekayaan |
| Al-nasl (keturunan) | Kelangsungan hidup dan perkembangan keluarga | Institusi perkahwinan / keluarga |
| | | Keselamatan awam |
| | | Keselamatan hidup |
| | Perlindungan generasi akan datang | Kelestarian lingkungan |
| | | Kemampuan ekonomi |
| | Perlindungan keturunan | Kesihatan reproduktif |
| | | Kematian kanak-kanak |
| | pembangunan generasi akan datang | Pendidikan anak-anak |
| Literasi | | |

Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik untuk membangunkan sebuah pengukuran pembangunan yang lebih komprehensif dengan menggabungkan aspek material dan non-material di mana ianya menjadi alternatif kepada kaedah pengukuran secara konvensional. Justeru pengukuran yang mengintegrasikan aspek rohani dan jasmani dapat menggambarkan tahap pengamalan dan penghayatan individu mahupun masyarakat dalam mengaplikasikan aktiviti kehidupan mereka dengan matlamat yang jelas iaitu untuk mencapai kesejahteraan dan kejayaan duniawi dan ukhrawi. Ianya juga menggambarkan seluruh kehidupan seorang muslim itu untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. seperti mana firman Allah s.w.t. (al-Dharyat: 56).

Walaupun mungkin berlaku stigma dalam kaedah pengukuran ini yang bersifat kuantitatif, sedangkan elemen objektif dan matlamat syariah itu sendiri adalah sesuatu yang sukar untuk diukur, namun sekurang-kurangnya ianya dapat memberi gambaran jelas terhadap pembangunan masyarakat yang berlandaskan Islam, seterusnya dapat memberikan isyarat kepada pihak

kerajaan mahupun bukan kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan yang lebih konkrit dan komprehensif.

INDEKS SYARIAH MALAYSIA 2015

Kajian-kajian rintis terhadap pengukuran yang berlandaskan *Maqasid al-Syariah* membuka ruang kepada negara-negara Islam untuk melakukan pengukuran di negara masing-masing. Islamic Development Bank (IDB) adalah merupakan agensi yang banyak melakukan kajian-kajian yang berkaitan namun kurang mendapat sambutan dan kerjasama daripada negara-negara anggota. Usaha pengukuran ini memerlukan usaha yang keras dan kerjasama yang erat untuk merealisasikan agenda pembangunan ekonomi dan sosial negara-negara Islam yang dibangunkan oleh IDB sendiri iaitu agenda Visi 2020.³³

Malaysia adalah satu-satunya negara yang melangkah satu tapak ke hadapan dan sedia untuk diukur tahap pembangunannya berlandaskan *Maqasid al-Syariah*. Bersempena Majlis Perdana Ulama'-Umara' dan Anugerah masjid Malaysia 2014 di Putrajaya pada 28 Ogos 2014, Malaysia telah melakarkan satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. YAB Perdana Menteri Malaysia telah mencetuskan idea penubuhan Indeks Syariah Malaysia dan pastinya gagasan tersebut mampu membuka mata pemimpin dunia Islam dari segi misi pelaksanaannya, khususnya bagi melihat tahap pematuhan sesebuah negara yang merangkumi keseluruhan perundangan syariah.³⁴

Bidang-Bidang Ukuran Indeks Syariah

Pematuhan Indeks Syariah Malaysia tidak hanya tertumpu kepada bidang ekonomi dan sosial semata-mata yang mana kajian-kajian sebelum ini lebih sinonim kepada Indeks Pembangunan Manusia, Indeks Kemiskinan, Indeks Ekonomi dan Kewangan Islam dan sebagainya. Tetapi konsep pematuhan Indeks Syariah Malaysia melihat pada skop yang lebih luas, di mana ianya mencakupi bidang-bidang yang penting dan memberi kesan yang amat besar kepada pembangunan negara secara amnya. Terdapat lapan bidang yang dipilih sebagai input ukuran Indeks Syariah Malaysia seperti yang berikut:

1. ***Perundangan Islam***
 - i. Memelihara agama Islam
 - ii. Pemerksaan peranan institusi Raja sebagai Ketua agama Islam
 - iii. Perluasan bidang kuasa mahkamah Syariah
 - iv. Pemeliharaan institusi perkahwinan dan kekeluargaan
2. ***Politik***
 - i. Penterjemahan gaya urus tadbir negara
 - ii. Pendekatan politik pembangunan yang bersifat holistic
 - iii. Pembinaan dan penampilan imej Islamik dan *biah* solehah

³³ Lihat Fakhri.

³⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid al-Shariah*, (KL: JAKIM, 2015), 25.

3. ***Ekonomi***
 - i. Pegangan harta negara
 - ii. Penjaminan ekonomi
 - iii. Percukaian
 - iv. Keadilan dan kestabilan peluang ekonomi
 - v. Penggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti ekonomi

4. ***Pendidikan***
 - i. Pemeraksanaan sistem pendidikan Islam
 - ii. Pemeraksanaan modal insane sebagai penggerak utama
 - iii. Pembentuk Muslim professional
 - iv. Penggiat usaha menjadi hub pendidikan
 - v. Perwujudan rangkaian pemikir dan pakar

5. ***Kesihatan***
 - i. Pematuhan amalan kerja patuh syariah
 - ii. Penjaminan kualiti dan keberkesanan proses
 - iii. Pemberdayaan dan pengukuhan berterusan sumber structural dan sumber manusia

6. ***Budaya***
 - i. Pemeraksanaan peranan pihak berkuasa agama bagi menegakkan prinsip patuh syariah
 - ii. Pewujudan usaha mengekang unsure syirik dan nilai negatif dalam kesenian dan hiburan
 - iii. Pemeliharaan warisan negara

7. ***Prasarana dan Persekitaran***
 - i. Penyediaan prasarana dan kemudahan lanskap
 - ii. Pemeliharaan alam sekitar
 - iii. Pengurusan bencana
 - iv. Pengukuhan kesedaran cintakan alam sekitar

8. ***Sosial***
 - i. Pewujudan persekitaran sosial yang kondusif
 - ii. Pemeraksanaan institusi perkahwinan dan keluarga
 - iii. Pemeraksanaan sistem sokongan
 - iv. Pengukuhan jati iman dan jati diri masyarakat
 - v. Pemeliharaan kebajikan umat

Berdasarkan kepada pengukuran ke atas lapan bidang utama yang disebutkan di atas, ianya akan diukur meliputi lima perkara dasar dalam kerangka *Maqasid al-Syariah* yang menjurus kepada penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Justeru, perkara penting dalam proses pengukuran Indeks Syariah Malasia melibatkan tiga kelompok utama iaitu (i) pemerintah (pembuat dasar), (ii) agensi (pelaksana dasar), dan (iii) masyarakat (penerima manfaat).

Kelompok pemerintah (pembuat dasar) diukur dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar dan polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur mematuhi dan bertepatan dengan syariah Islam serta memenuhi kemaslahatan yang menepati lima prinsip *Maqasid al-Syariah*, dengan menyediakan keperluan asas yang mencukupi dalam segala aspek kehidupan demi kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan kepercayaan.³⁵

Kelompok agensi pelaksana pula diukur untuk melihat sejauh mana undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur, mampu direalisasikan dan dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan kepentingan lima prinsip *Maqasid al-Syariah* di samping melihat tahap keserasian dan kesesuaian terhadap sesuatu dasar, polisi, program dan aktiviti yang diadakan mampu memberi impak terhadap keperluan masyarakat.³⁶

Kelompok masyarakat diukur dengan membuat penilaian dan persepsi masyarakat terhadap undang-undang, dasar-dasar, polisi-polisi yang dilaksanakan serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, mampu menjamin kesejahteraan hidup, keharmonian dan ketenteraman dalam kehidupan sama ada secara individu mahupun kolektif berdasarkan kepentingan lima prinsip *maqasid al-syariah*.³⁷

Keputusan Indeks Syariah Malaysia ini dijangka dapat diumumkan pada awal tahun 2016, sekaligus memberi lembaran baru kepada lanskap orientasi pembangunan negara serta dapat dijadikan kajian rintis untuk dijadikan contoh kepada negara-negara Islam yang lain supaya mengambil pendekatan yang sama pada masa akan datang.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Maqasid al-Syariah adalah tunjang kepada syariah Islam yang melibatkan komponen utama akidah, ibadah dan akhlak. Komponen-komponen ini adalah penting dalam kehidupan seorang muslim sebagai cara dan sistem hidup yang lengkap, kompresif dan relevan pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, aspek kerohanian atau agama adalah unsur yang mendasari kehidupan muslim disamping mendepani cabaran dalam kehidupan seperti ekonomi dan sosial.

Dalam menguruskan dan mentadbir sumber alam, manusia diangkat sebagai khalifah untuk membangunkan ekonomi dan menjaga kestabilan kehidupan agar ianya dapat dikongsi bersama. Keseimbangan ekonomi adalah cerminan kepada *al-falah* (kejayaan) iaitu merupakan objektif-falsafah ekonomi Islam supaya manusia dapat menggunakan sumber alam untuk manfaat di dunia dan dibawa sebagai bekalan di akhirat.

Dalam memastikan agenda dan program pembangunan ekonomi dan sosial negara direalisasikan, maka pelan pembangunan yang komprehensif perlu diwujudkan. Namun, ianya juga memerlukan indikator-indikator pembangunan yang juga komprehensif. Maka dalam

³⁵ Ibid., 26.

³⁶ Ibid., 27

³⁷ Ibid.

membuat pengukuran pembangunan, Islam telah mencorakkan sudut pandang (*worldview*) yang lebih kukuh kerana ianya berpaksikan kepada tauhid iaitu menjadikan prinsip-prinsip di dalam Islam itu sebagai panduan dalam merancang pembangunan. Prinsip Maqasid al-Syariah adalah merupakan indikator pembangunan yang mengintegrasikan unsur kerohanian insan dan material, justeru ianya dapat memberikan maklumat yang lebih sempurna kepada pihak kerajaan untuk membangunkan negara.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

- Ahmad, A. (2000). *Economic Development in Islamic Perspective Revisited*. Review of Islam Economics. Leicester, Journal of the International Association for Islamic Economics and the Islamic Foundation.
- Akram Laldin (2006). *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*. KL: Cert Publication.
- Bensaid Benaouda (2000). *Theory of Maqāsid and Social Sciences*. Unpublished Master thesis, International Islamic University Malaysia.
- Chapra, M. U. (1979). *Objectives Of The Islamic Economic Order*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Chapra, M. U. (1992). *Islam and the Economic Challenge*. Leicester: The International Institute of Islamic Thought.
- Chapra, M. U. (2008). *Muslim Civilization: The Causes of Decline and the Need for Reform*. UK: The Islamic Foundation.
- Chapra, M. U. (2000), *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. UK: Leicester: The Islamic Foundation.
- Chaudhry, M.S. (1999). *Fundamentals of Islamic Economic System*. Lahore: Burhan Education and Welfare Trust Lahore.
- Fakhri Sungit (2015). *Economic and Human Development Programs in the Muslim World: A Case Study of the Islamic Development Bank (IDB)*. Unpublished doctoral thesis, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), IIUM.
- Fakhri Sungit (2014). *Pembangunan Ekonomi dan Sosial Melalui Prinsip Maqasid al-Shariah: Analisis Terhadap Polisi dan Orientasi Program Pembangunan di Bank Pembangunan Islam (BPI)*. Proceeding International Research Management & Innovation Conference. Selangor International Islamic University College.
- Hendry Anto (2009). *Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC Countries*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (1999/00). *IDB Annual Report 1420H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2000/01). *IDB Annual Report 1421H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2001/02). *IDB Annual Report 1422H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2002/03). *IDB Annual Report 1423H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2003/04). *IDB Annual Report 1424H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2004/05). *IDB Annual Report 1425H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2005/06). *IDB Annual Report 1426H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2006/07). *IDB Annual Report 1427H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2007/08). *IDB Annual Report 1428H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2008). *IDB Annual Report 1429H*. Jeddah: Islamic Development Bank.

- IDB (2009). *IDB Annual Report 1430H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2010). *IDB Annual Report 1431H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2011). *IDB Annual Report 1432H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2012). *IDB Annual Report 1433H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2006). *Vision 1440H*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2012). *Special Program for the Development of Africa (SPDA) Progress Report 2012*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- IDB (2012). *The Role of IsDB Group in Supporting Employment Growth in Member Countries: Past Practices and Future Approach*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Islamic Development Bank Group (2010). *Islamic Development Group in Brief*, 2012. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). *Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid al-Shariah*. KL: JAKIM.
- Mushtaq Ahmad (1995). *Business Ethics in Islam*, Pakistan: The International Institute of Islamic Thought Islamabad.
- Maududi, S. A. A. (1984). *Economic System of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Mohammad Habibullah Pulok (2012). *Revisiting Health and Income Inequality Relationship: Evidence from Developing Countries*. Journal of Economic Cooperation and Development.
- Raisuni (2006). *Imam al-Syatibi's Theory of the Objectives and Ontents of Islamic Law*. US: Herndon: The International Institute of Islamic Thought.
- Rehman dan Askari (2010). *How Islamic are Islamic Countries?*. Global Economy Journal 10(2).
- Robert Nisbet. (1995). *History of the Idea of Progress*. New York: Basic Books.
- Ruzita Mohd Amin, Mohamed Aslam Haneef, Mustafa Omar Muhammad, Gapur Oziev (2014). *The Integrated Development Index (I-Dex): A New Comprehensive Approach to Measuring Human Development*.
- Sadeq Abul Hasan (2006). *Development Issues in Islam*. KL: International Islamic University Malaysia.
- SESRIC (2010). *Statistical Yearbook OIC Member Countries 2009*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.
- SESRIC (2011). *Early Childhood Care and Education in OIC Countries*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.
- SESRIC (2011). *Global Food Price Crisis: Impact on Food Security & Malnutrition in the OIC Member States*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC).
- SESRIC (2012). *Annual Economic Report on the OIC Countries 2012*. Ankara: The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.
- SESRIC (2013). *Economic Growth and Convergence across the OIC Countries: An Econometric Framework*. Ankara Centre: Statistical Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC).
- Transparency International (2011). *Corruption Perceptions Index 2011*. Berlin: TIS.
- UNDP (2000). *Human Development Report 2000*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2001). *Human Development Report 2001*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2002). *Human Development Report 2002*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2003). *Human Development Report 2003*. Oxford University Press, New York.

- UNDP (2004). *Human Development Report 2004*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2005). *Human Development Report 2005*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2006). *Human Development Report 2006*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2007/2008). *Human Development Report 2007/2008*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2009). *Human Development Report 2009*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2010). *Human Development Report 2010*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2011). *Human Development Report 2011*. Oxford University Press, New York.
- UNDP (2012). *Human Development Report 2012*. Oxford University Press, New York.
- Yusuf Qaradawi (1990). *Madkhal li Dirāsat al-Sharī'ah al-Islamiyyah*. Cairo: Maktaba Wahba.
- Z. Ahmed, M. Iqbal and M.F. Khan (1986). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. Islamabad: IPS.
- Zaman, A. (2008). *Islamic Economics: A Survey of the Literature*. UK: Religions and Development Research Programme Birmingham.